

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, October 9, 2018 10:23 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Majlis Pelancaran Ketika Samudera Kupintal



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

09 OKTOBER 2018 / 29 MUHARAM 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

MAJLIS PELANCARAN KETIKA SAMUDERA KUPINTAL



UUM ONLINE: Buku Antologi Cerpen Himpunan Karya Penulis Baharu Bertajuk Ketika Samudera Kupintal telah dilancarkan pada Seminar Penyelidikan Darulaman 2018 Peringkat Kebangsaan (SEDAR'18) di Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman (IPGKDA), Jitra, baru-baru ini.

Ketua Editor, Bainah Mustafa bersyukur buku ini berjaya diterbitkan oleh UUM Press merupakan hasil sentuhan 14 penulis yang terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk pendidik, pesara dan pegawai.

Jelasnya.himpunan cerpen yang ditulis oleh penulis baharu yang pertama kali menceburi penulisan kreatif selepas mengikuti Bengkel Penulisan Cerpen berkonsepkan penulisan cerpen cepat terbit anjuran UUM Press dengan kerjasama IPGKDA di UUM pada tahun lalu.

"Tema Ketika Samudera Kupintal dipilih untuk mengajak masyarakat hari ini meninjau dan menoleh ke arah segolongan masyarakat laut yang masih dihimpit kemiskinan namun

mereka tetap gigih mencari rezeki halal dan mengejar cita-cita dengan cara dan gaya mereka tersendiri.

“Pintu hati kita diketuk untuk sedar tentang kehadiran insan kurang upaya yang menumpang di sudut dunia, usah kita yang sempurna sifat mengkhianati mereka,” katanya.

Buku setebal 252 muka surat memaparkan cerpen antaranya Menyulam Cinta Bayu, Sahabat Syurga, kasih tak terucap, Hujan Di Tengah Hari, Dalam Cinta Ada Duri, Doa Nasuha, Aku Ingin Bahagia, Gelora Yang Sementara dan Keinsafan.

Menurut Editor, Che Mas Saud, kumpulan cerpenis baharu ini telah berjaya mengasah bakat mereka dengan penuh kesabaran dan ketekunan untuk menzahirkan sebuah cerpen yang memiliki nilai estetika yang cukup tinggi.

“Karya kreatif disusungalurkan dengan cukup indah dalam bentuk pemilihan watak, latar, gaya Bahasa dan persembahan jalinan penceritaan yang cukup berkesan.

“Cerminan budaya bangsa kita terpancar dengan jelas untuk dijadikan rujukan pewaris negara selain kesopanan, kelembutan dan ketegasan dalam bicara merangkul sebuah pemahaman Melayu yang penuh santun,” singkapnya.

Kongsinya, untuk menjadi cerpenis yang berjaya seseorang itu perlu menyelitkan mesej yang mengandungi pengajaran, nilai moral dan agama di samping bijak dan celik fakta yang benar lagi nyata.

“Cerita yang bersusun lapis dengan ayat yang kemas disokong dengan fakta serta mempunyai roh akan menarik penerbit untuk menerbit,” ujarnya yang berpengalaman luas dalam bidang pendidikan dan penulisan.

Sementara itu, pensyarah UUM, Dr. Nor Hasimah Ismail berkata, dengan menulis cerpen, kita dapat menyebarkan idea sekali gus menjadi medium dakwah yang memberi pengajaran untuk dibaca oleh khalayak ramai.

“Tulis secara halus tetapi menyentuh perasaan, apabila menulis dengan ikhlas perkara yang kita zahirkan nampak tersusun indah, sampai ke hati dengan mesej yang penuh makna tetapi jangan sesekali menulis dengan paksaan.

“Menulis dengan mata hati dan mata fikir melalui imaginasi yang mengandungi pemikiran walaupun sesuatu peristiwa berlaku sedetik sahaja namun boleh dipindahkan dalam bentuk penulisan.

“Jika kita lakukan satu kebaikan sekalipun menulis sebuah buku yang memberi manfaat kepada pembaca pastinya mendapat rahmat Ilahi, saya berharap buku ini memberi inspirasi dalam menempuh kehidupan yang tidak sunyi dari cubaan dan cabaran,” luahnya.

Manakala Staf Kedah Medical Centre (KMC), Afizanoor Mohamad Sidik terpenggil untuk menulis kerana ingin memaparkan realiti kehidupan sebenar yang memberi mesej kepada masyarakat di samping gabungan imaginasi yang lebih dramatik.

“Saya menulis karya kerana minat yang mendalam, cabaran yang dihadapi ketika menyiapkan cerpen ini ialah kekangan masa di mana kita perlu disiplin dengan masa kerana sibuk dengan tugas seharian,” tambahnya.

Mengakui pada mula agak sukar namun kerja menjadi mudah setelah mendapat semangat baharu apabila dibimbing secara berterusan sehingga cerpen diterbitkan menerusi bengkel yang lalu.

“Peserta didedahkan mengenai teknik penulisan cerpen yang betul dan bersistematik dalam menghasilkan cerpen yang bermutu atau manuskrip yang boleh diterbitkan sekali gus mencungkil bakat penulisan kreatif.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.